



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

19 Jun 2009

Kementerian Kesihatan hari ini ingin memaklumkan lapan (8) lagi kes Influenza A(H1N1) baru, dikesan di Malaysia dalam tempoh 24 jam yang lalu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes Influenza A(H1N1) yang dikesan di Malaysia berjumlah 35 kes. Kesemua 8 kes baru yang dikesan hari ini **BUKAN** merupakan kes penularan tempatan.

1. Kes ke 28 merupakan seorang pelajar perempuan, warga Malaysia, berumur 20 tahun, belajar di Universiti Chicago, pulang ke Malaysia untuk bercuti. Tiba di KLIA pada jam 7.30pagi 15 Jun 2009 dengan penerbangan Malaysia MH 091 (tempat duduk 55H), tanpa tanda demam. Mula menunjukkan gejala demam dan sakit tekak pada 16 Jun 2009 dan mendapatkan rawatan dan dimasukkan ke Hospital Sg Buloh. Beliau telah disahkan mengidap jangkitan influenza A(H1N1) pada 18 Jun 2009. Rawatan antiviral telah pun dimulakan dan beliau dalam keadaan stabil.

2. Kes ke 29 adalah seorang pelajar perempuan berumur 11 tahun, warganegara Thailand, datang ke Malaysia bersama 43 orang lain untuk perlawanan persahabatan sukan (*tournament*). Kes tiba di KLIA pada 17 Jun 2009 dengan menaiki pesawat MH 785 (tempat duduk 30E). Dia dikesan demam semasa saringan di KLIA dan dirujuk ke Hospital Sungai Buloh. Beliau disahkan positif influenza A(H1N1) pada 18 Jun 2009. Beliau dilaporkan berada dalam keadaan stabil dan sedang diberikan rawatan antiviral.
3. Kes ke 30 adalah seorang wanita warganegara Australia, berusia 50 tahun yang datang ke Malaysia untuk bercuti. Beliau tiba di LCCT pada 16 Jun 2009, jam 7.10 pagi dengan menaiki pesawat Air Asia X D7 2723 (tempat duduk 10G) dari Melbourne. Beliau menunjukkan gejala demam dan batuk pada hari yang sama dan telah mendapatkan rawatan pada 17 Jun 2009. Kes terus dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur dan disahkan positif influenza A(H1N1) pada 18 Jun 2009.
4. Kes ke 31 adalah seorang wanita warga Malaysia, berusia 58 tahun yang telah pergi melancong ke Australia bersama 11 orang ahli keluarga yang lain. Mereka berada di sana selama 3 hari dan balik ke Malaysia pada 16 Jun 2009 dengan menaiki pesawat Air Asia X D7 2723 (tempat duduk 22B), tiba di LCCT pada jam 7.00 pagi. Beliau menunjukkan gejala demam dan batuk pada hari yang sama dan telah mendapatkan rawatan pada 18 Jun 2009. Kes terus dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur dan disahkan positif influenza A(H1N1) pada 19 Jun 2009.
5. Kes ke 32 adalah seorang wanita warganegara Malaysia berusia 30 tahun yang bekerja di London semenjak November 2008. Beliau balik ke Malaysia untuk bercuti. Beliau tiba di KLIA pada

15 Jun 2009, jam 5.30 petang dengan menaiki pesawat MH 001 (tempat duduk 62D). Beliau menunjukkan gejala demam dan batuk pada 16 Jun 2009, telah mendapatkan rawatan dari klinik swasta pada 17 Jun 2009. Walau bagaimanapun kes tidak dirujuk ke hospital dan beliau telah pergi ke Hospital Kuala Lumpur pada 18 Jun 2009 dan disahkan positif influenza A(H1N1) pada 19 Jun 2009.

6. Kes ke 33 adalah seorang pelajar Malaysia, berusia 15 tahun, perempuan, yang telah pergi menziarahi sepupunya di Melbourne, Australia. Beliau berada di sana dari 27 Mei 2009 sehingga 15 Jun 2009. Kes telah balik ke Malaysia pada 15 Jun 2009 dengan menaiki pesawat Air Asia X D7 2723 (kes tidak ingat nombor tempat duduk) yang tiba di LCCT jam 7.00 pagi. Beliau menunjukkan gejala demam dan batuk pada 18 Jun 2009 dan telah mendapatkan rawatan di Hospital Kuala Lumpur pada hari yang sama. Kes disahkan positif influenza A(H1N1) pada 19 Jun 2009.
7. Kes ke 34 adalah seorang surirumah warga Filipina berumur 30 tahun. Beliau telah pergi Daerah ke Naguilian Quecun, Filipina pada 28 Mei 2009 sehingga 14 Jun 2009, untuk menziarahi sanak saudara di sana. Kes telah balik ke Malaysia pada 14 Jun 2009 dengan menaiki pesawat MH 705 (tempat duduk 20A) yang tiba di KLIA jam 8.00 malam. Beliau tidak ke mana-mana sehingga pada 17 Jun 2009, kes menunjukkan gejala demam dan telah pergi mendapatkan rawatan di Hospital Sungai Buloh pada 18 Jun 2009. Kes telah dimasukkan ke wad dan disahkan positif influenza A(H1N1) pada 19 Jun 2009.

8. Kes ke 35 adalah lelaki berumur 20 tahun, rakyat Malaysia yang belajar di universiti di Melbourne, Australia. Beliau berada di sana semenjak Januari 2009. Kes telah balik bercuti ke Malaysia dengan menaiki pesawat Air Asia X D7 2723 (tempat duduk 43H) yang tiba di LCCT pada 15 Jun 2009, jam 7.15 pagi. Beliau menunjukkan gejala demam dan batuk pada sebelah petang 15 Jun 2009 dan telah mendapatkan rawatan dari sebuah klinik swasta. Pada 17 Jun 2009, pesakit telah diarahkan oleh klinik terbabit untuk pergi mendapatkan rawatan di hospital. Kes telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh pada 18 Jun 2009 dan disahkan positif influenza A(H1N1) pada 19 Jun 2009.

Buat masa ini, sejumlah 23 kes daripada 35 kes yang disahkan positif influenza A(H1N1) masih dalam rawatan di hospital iaitu Hospital Sungai Buloh (10), Hospital Kuala Lumpur (6), Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang (1), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (3), Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah (1), Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh (1) dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang (1). Kesemua diberikan rawatan antivirus dan dalam keadaan stabil.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sejumlah 115 notifikasi kes yang menunjukkan gejala jangkitan influenza diterima dari seluruh negara dan dimasukkan ke wad isolasi. Sehingga 18 Jun 2009, jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana disyaki jangkitan influenza A(H1N1) adalah sebanyak 1092 kes di mana, 35 kes disahkan positif influenza A(H1N1), 987 disahkan negatif dan 70 masih menunggu keputusan.

Pada 18 Jun 2009 sehingga jam 9.00 mlm, kontak yang masih diletakkan di bawah *home quarantine* kini adalah seramai 202 orang, ini termasuk 42 kontak baru yang dikesan. Pecahan kontak keseluruhan yang sedang dikuarantin ialah 29 kontak kes ke 12, 15 kontak kes ke 13, 4 kontak kes ke 14, 18 kontak kes ke 15, 51 kontak kes ke 16, 13 kontak kes ke 17, 13 kontak kes ke 18, 20 kontak kes ke 19, 24 kontak kes ke 20, 3 kontak kes ke 22, 4 kontak kes ke 23, 1 kontak kes ke 24, 1 kontak kes ke 25 dan 6 kontak kes ke 28. Kesemua mereka yang sedang menjalani kuarantin dalam keadaan stabil tanpa simptom jangkitan influenza.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 19 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 40,089 kes dengan 167 kematian daripada 90 negara, iaitu pertambahan sebanyak 286 kes dan 2 negara baru; iaitu Papua New Guinea dan Suriname. Tiada kematian baru. Lima (5) negara yang melaporkan kes terbanyak ialah China (Tanah besar (33 kes), Hong Kong (50 kes) dan Macau (1 kes)) (84 kes), Australia (81 kes), Philippines (33 kes), New Zealand (26 kes) dan Jepun (24 kes).

Bagi mengesan kontak kepada kes positif, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama kepada penumpang, anak kapal dan kontak kepada kes terutama yang duduk di 3 barisan hadapan dan belakang untuk menghubungi KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak kecuali jika betul-betul tidak dapat dielakkan. Perjalanan ke luar negara yang dilanda wabak boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan Influenza A(H1N1), samada semasa berada di negara berkenaan atau pun semasa berada di dalam pesawat. Ini bukan sahaja akan menyebabkan anda jatuh sakit dan terpaksa dirawat di negara lain, tetapi anda dan keluarga anda akan dikuarantin jika terbabit dengan kes yang disahkan positif. Justeru itu, orang ramai adalah digesa sekali lagi agar memberi kerjasama menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak Influenza A(H1N1) buat masa ini, kecuali bagi perjalanan yang perlu sahaja yang tidak boleh ditangguhkan.

Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 19 Jun 2009